

18 MAR 1996

PERKILANGAN SUMBANG 33 PERATUS KEPADA KDNK PADA 1995: KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Sektor perkilangan menyumbangkan 33.1 peratus daripada kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun 1995, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ini merupakan kenaikan 1.5 peratus daripada 31.6 peratus yang dicatatkan dalam tahun 1994, katanya semasa melancarkan Anugerah Kecemerlangan Industri 1996 di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata jumlah jualan dari keluaran perkilangan pada 1995 bernilai RM159.189 bilion yang merupakan peningkatan 22.6 peratus daripada RM129.799 bilion pada 1994.

"Prestasi industri itu bukan hanya disebabkan dasar kerajaan semata-mata, tetapi kepada kepekaan industri itu sendiri tentang apakah yang menyumbangkan kepada kelebihan saingan masing-masing," kata menteri itu.

Rafidah juga mengumumkan bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah buat julung-julung kalinya kepada Konvensyen Antarabangsa mengenai Kumpulan Kawalan Mutu. Konvensyen itu akan diadakan mulai 28 Okt hingga 30 Okt di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur.

Katanya negara-negara yang menyertai konvensyen itu ialah dari rantau Asia Pasifik dalam bidang produktiviti dan kualiti. "Ini juga satu petunjuk tentang komitmen dan pendirian kerajaan terhadap mutu dan kecemerlangan."

Menyentuh tentang Anugerah Kecemerlangan Industri, Rafidah berkata penekanan tahun ini bukan sekadar menyebarkan persefahaman mengenai keperluan bagi kecemerlangan prestasi, tetapi juga tentang keperluan berkongsi maklumat mengenai kejayaan perniagaan atau strategi prestasi.

"Para pemenang diminta berkongsi pengalaman mereka dengan masyarakat perniagaan menerusi seminar-seminar yang dianjurkan," katanya sambil menambah bahawa kesan penyebaran mutu dan kecemerlangan lebih disasarkan kepada industri kecil dan sederhana yang menjadi tumpuan kerajaan masa sekarang untuk dimajukan.

Empat jenis Anugerah dikekalakan seperti tahun-tahun sebelumnya, iaitu Anugerah Kecemerlangan Barangan, Anugerah Kecemerlangan Eksport, Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan dan Anugerah Pengurusan Kualiti.

Menerusi Anugerah Kecemerlangan Barangan, satu Anugerah Khas Untuk Barangan Inovatif akan disediakan.

Anugerah Khas juga akan disediakan bagi menggalakkan para pekilang mengurangkan kandungan diimport dalam keluaran pembuatan.

Kata Rafidah ini sebagai menyambut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan hasrat untuk mengurangkan imbalan dagangan.

Katanya borang-borang permohonan kini boleh didapati di pejabat-pejabat kementeriannya di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Kota Bharu, Johor Bharu, Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu.

Tarikh tutup permohonan ialah pada 18 Jun.

Rafidah juga melancarkan buku Pusat Produktiviti Negara mengenai "Malaysia TQM Casebook." Buku tersebut mengandungi pengalaman lapan pemenang lepas Anugerah Kecemerlangan Industri dan Anugerah Kualiti Kategori Sektor Swasta Perdana Menteri. -- BERNAMA

JR MA